

Headline	80 peratus belia Indonesia berisiko sakit kelamin		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	09 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Dunia	Circulation	297,950
Page No	D9	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	406 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,745
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,236



80 peratus belia Indonesia berisiko sakit kelamin

» Sebahagian disebabkan kurang kesedaran mengenai jangkitan HIV/Aids

► Jakarta

Hampir 80 peratus warga Indonesia berusia antara 15 hingga 24 tahun berdepan risiko dijangkiti penyakit jangkitan seksual termasuk HIV/Aids kerana kurang pengetahuan. "Mengikut kajian berterusan yang dilakukan pada 2011, hanya

20.6 peratus belia berusia antara 15 hingga 24 tahun mempunyai pengetahuan mengenai penyakit kelamin," kata Menteri Kesihatan Nafsiah Mboi pada sidang akhbar menjelang Minggu Kondom Kebangsaan.

Sasar golongan remaja

Matlamat kerajaan yang menyasarkan kesedaran dan pengetahuan ke atas 85 peratus golongan belia mengenai penyakit jangkitan sosial masih jauh daripada jangkauan. Pada 2014 kementerian berhasrat meningkatkan kesedaran hingga 95 peratus.

Nafsiah bagaimanapun berkata kementerianya tidak akan berputus asa dan enggan mengu-



Seorang model menunjukkan pelbagai jenis kondom ketika Minggu Kondom Kebangsaan di Salemba Jakarta pada 2009.

rangkan matlamat golongan sasaran kepada angka lebih realistik.

Beliau berkata kajian yang dijalankan mendapati 42.3 peratus rakyat negara itu yang menghidap HIV/Aids berusia antara 20 dan 29 tahun manakala 33.1 peratus lagi berusia antara 30 hingga 39 tahun.

"Kumpulan ini dijangkiti penyakit itu bertahun-tahun yang lalu, bermakna ketika mereka masih remaja dan ini adalah antara sebab kita menyasarkan golongan remaja," katanya.

Nafsiah berkata jika kesedaran

yang rendah terhadap HIV/Aids berterusan, aktiviti seksual berisiko tinggi akan terus meningkat.

"Ramai belia Indonesia terba-bit dengan aktiviti seks berisiko

tinggi. Kadar pengguguran janin dikalangan mereka juga semakin meningkat," katanya.

Suruhanjaya Aids Kebangsaan menganggarkan kira-kira 1.8 juta penduduk Indonesia akan dijangkiti HIV/Aids, tetapi menambah, jika program pencegahan dilaksanakan, jumlahnya dapat dikurangkan kepada 1.1 juta orang.

Data yang dikumpulkan dari Januari hingga September lalu oleh Agensi Kesihatan Jawa Barat menunjukkan 7,308 kes baru HIV dan 319 kes Aids didaftarkan di wilayah itu saja.

Agensi

FAKTA NOMBOR

1.1 juta

sasaran bebas HIV/Aids